


JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA
MAHKAMAH AGUNG,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR

19

Ruj. Bil.(23)dlm.JK/MA/38 Jld.IV.

Tarikh: 26 Ogos, 1991

NOTA AMALAN BIL. 2 TAHUN 1991



Perlanjutan masa untuk memfailkan Rekod Rayuan
dalam perkara-perkara sivil

Di bawah peruntukan Kaedah 62(7) Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1980, seseorang perayu dikehendaki memfailkan rekod rayuan dalam tempoh enam minggu selepas pemasukan rayuan itu atau dalam sesuatu tempoh lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah Agung.

Untuk menyelaraskan prosedur memfailkan rekod rayuan dan untuk menyegerakan lagi prosiding di Mahkamah Agung, maka amalan berikut hendaklah diikuti bagi permohonan perlanjutan masa untuk memfailkan rekod rayuan.

- (1) Dalam tempoh satu minggu dari tarikh notis rayuan difailkan, perayu hendaklah memohon kepada Setiausaha Hakim perbicaraan untuk dibekalkan satu salinan terperaku nota keterangan, melalui surat seperti berikut -

"Kepada:
Setiausaha Hakim,
Mahkamah Tinggi,
.....

MAHKAMAH AGUNG RAYUAN SIVIL NO. /19
(MAHKAMAH TINGGI GUAMAN SIVIL NO. /19)
PERMOHONAN NOTA KETERANGAN

Saya telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Agung di atas keputusan Mahkamah Tinggi _____ (tempat) pada _____ (tarikh) dan dengan ini memohon untuk dibekalkan nota keterangan untuk membolehkan saya memfailkan rekod rayuan tidak lewat dari _____ (tarikh) Sekian, terima kasih.

.....

- (i) Yang Arif,
Hakim,
Mahkamah Tinggi,
.....;
 - (ii) Tetuan.....
(Peguam Responden);
 - (iii) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
.....;
 - (iv) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur";
- (2) apabila nota keterangan telah disediakan, Setiausaha Hakim perbicaraan hendaklah dengan serta-merta memaklumkan secara bertulis kepada perayu dan memintanya mengambil nota berkenaan, seperti berikut

Kepada:
.....
(Peguam Perayu)

MAHKAMAH AGUNG RAYUAN SIVIL NO. /19
(MAHKAMAH TINGGI GUAMAN SIVIL NO. /19)
PERMOHONAN NOTA KETERANGAN

Saya merujuk kepada perkara yang tersebut di

atas dan dengan sukacitanya memaklumkan bahawa nota keterangan dalam kes berkenaan telahpun disiapkan. Tuan boleh mengambil salinan nota keterangan tersebut pada bila-bila masa semasa waktu pejabat.

Sekian, terima kasih.

.....

s.k.

- (i) Yang Arif,
Hakim,
Mahkamah Tinggi,
.....;
 - (ii) Tetuan.....
(Peguan Responden);
 - (iii) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
.....;
 - (iv) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur";
- (3) perayu hendaklah dengan segera mengakuterima secara bertulis penerimaan nota keterangan itu seperti berikut:-

"Kepada:
Setiausaha Hakim,
Mahkamah Tinggi,
.....

MAHKAMAH AGUNG RAYUAN SIVIL NO. /19
(MAHKAMAH TINGGI GUAMAN SIVIL NO. /19)
PERMOHONAN NOTA KETERANGAN

Saya dengan sukacita mengakuterima satu salinan

nota keterangan kes seperti yang disebut di atas pada (tarikh).

Sekian, terima kasih.

.....

s.k.

- (i) Yang Arif,
Hakim,
Mahkamah Tinggi,
.....;
- (ii) Tetuan.....
(Peguam Responden);
- (iii) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
.....;
- (iv) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur";

(4) jika nota keterangan tidak dibekalkan dalam tempoh empat minggu dari tarikh notis rayuan difailkan, perayu hendaklah, dengan serta merta memohon kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Agung untuk melanjutkan masa memfailkan rekod rayuan melalui surat, seperti berikut-

Do check the date

"Kepada:
Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Agung,
Kuala Lumpur

MAHKAMAH AGUNG RAYUAN SIVIL NO. /19
(MAHKAMAH TINGGI GUAMAN SIVIL NO. /19)
PERMOHONAN MELANJITKAN MASA MEMFAILKAN
REKOD RAYUAN

Saya merujuk kepada kes yang tersebut di atas dan

ingin memaklumkan bahawa saya telahpun pada
(tarikh) membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi
(tempat) untuk mendapatkan salinan nota
keterangan kes tersebut. Oleh kerana saya masih
belum dibekalkan salinan nota keterangan kes
tersebut, saya dengan ini memohon perlanjutan masa
untuk memfailkan rekod rayuan bagi kes berkenaan.
Sekian, terima kasih.

.....

s.k.

- (i) Yang Arif,
Hakim,
Mahkamah Tinggi,
.....;
- (ii) Tetuan.....
(Peguam Responden);
- (iii) Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
.....;

Dalam permohonan di bawah perenggan ini, perayu
hendaklah melampirkan kepada Penolong Kanan
Pendaftar, Mahkamah Agung salinan kesemua
surat-menyurat di antara perayu dan Setiausaha
Hakim;

- (5) apabila permohonan perlanjutan masa diterima,
Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Agung boleh
melanjutkan masa dengan membenarkan rekod rayuan
difailkan dalam masa tiga minggu dari tarikh nota
keterangan diterima oleh perayu; Penolong Kanan

Pendaftar, Mahkamah Agung hendaklah memberi satu salinan keputusan permohonan itu kepada Hakim Mahkamah Tinggi berkenaan;


(6) jika tidak ada permohonan dibuat kepada Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Agung mengikut Nota Amalan ini, maka kegagalan ini akan diambil kira untuk menentukan samada kebenaran untuk melanjutkan masa memfailkan rekod rayuan itu akan dibenarkan atau tidak dalam sesuatu permohonan melalui Usul kepada Mahkamah Agung.

(7) rekod rayuan hendaklah difailkan oleh perayu walaupun penghakiman bertulis atau alasan-alasan keputusan tidak diterima. Penghakiman bertulis atau alasan-alasan keputusan yang diterima kemudiannya hendaklah difailkan sebagai rekod tambahan tanpa sebarang permohonan.

Walaubagaimanapun, tertakluk kepada perenggan ini, sesuatu rekod rayuan yang difailkan hendaklah mengandungi nota-nota keterangan sepertimana yang dikehendaki di bawah Kaedah 62(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung, 1980.

Dengan ini Nota Amalan No. 5 tahun 1990 adalah dibatalkan.

Nota Amalan ini adalah berkuatkuasa mulai 1hb. September, 1991.



(DATO' WAN MOHAMED BIN WAN MUDA)
KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH AGUNG MALAYSIA
KUALA LUMPUR

Kepada:-

Peguam Negara, Malaysia.

Peguam Besar Negeri, Sarawak, Kuching.

Peguam Besar Negeri, Sabah, Kota Kinabalu.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuching.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu.

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi,
Malaysia.

Semua Penasihat Undang-Undang Negeri.

Setiausaha, Majlis Peguam, Malaya.

Semua Setiausaha, Jawatankuasa-jawatankuasa Peguam
Malaya.

Setiausaha, Advocate Association of Sarawak, Kuching.

Setiausaha, Sabah Law Association, Kota Kinabalu.

Semua Setiausaha Hakim, Mahkamah Agung/Tinggi, Malaysia.

Semua Setiausaha Pesuruhjaya Kehakiman, Malaysia.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.

Y.A. Hakim Mahkamah Agung/Tinggi, Malaysia.

Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman, Malaysia.